

921-121

ISBN 967-912-024-4

SIRI SEJARAH PENTADBIRAN

**SEJARAH PENTADBIRAN  
KEMENTERIAN PERDAGANGAN  
DAN PERINDUSTRIAN**

**ARKIB NEGARA MALAYSIA  
1991**

NASKAH PEMELIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA  
9 MAY 1992

01  
254.575 000 2  
CET

653272  
APB

# KANDUNGAN

	Muka Surat	
PENDAHULUAN	i	
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN	1	
Bahagian Perdagangan Dalam Negeri	3	
Bahagian Perdagangan Antarabangsa	5	
Bahagian Perindustrian	8	
Bahagian Penguatkuasa	10	
Bahagian Pentadbiran dan Kewangan	14	
Bahagian Penyertaan Bumiputera	14	
Bahagian Metrik	17	
Bahagian Hal Ehwal Pengguna	17	
Bahagian Perusahaan Kecil	19	
Bahagian Perkhidmatan Komputer	20	
PEJABAT PENDAFTARAN CAP DAGANGAN DAN JAMINHAK (PATEN)	21	
Pejabat Cap Dagangan	21	
Pejabat Pendaftaran Jaminhak	22	
PEJABAT PENDAFTARAN SYARIKAT	23	
PEJABAT PENDAFTARAN PERNIAGAAN	25	
LEMBAGA KEMAJUAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA (MIDA)	27	
PUSAT DAYA PENGELUARAN NEGARA (PDPN)	32	
PERBADANAN KEMAJUAN FILEM MALAYSIA (FINAS)	36	
PERBADANAN KEMAJUAN PELANCONGAN MALAYSIA (PKPM)	38	
HUJUNGAN-HUJUNGAN		
Hujungan I	Carta Organisasi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Malaysia	41
Hujungan II	Carta Organisasi Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA)	42
Hujungan III	Carta Organisasi Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN)	43
Hujungan IV	Carta Organisasi Perbadanan Kemajuan Filem Malaysia (FINAS)	44
Hujungan V	Carta Organisasi Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (PKPM)	45
SENARAI AKTA	46	
BIBLIOGRAFI	48	

## PENDAHULUAN

Pelbagai usaha telah dijalankan oleh Arkib Negara Malaysia untuk mengeluarkan terbitan-terbitan mengenai bahan-bahan yang berada di dalam simpanannya. Antaranya termasuklah Senarai-senarai Penerimaan, Inventori, Penerbitan-penerbitan In-Extensio, Panduan Rekod-rekod Negeri, Panduan Rekod-rekod Persekutuan dan senarai topik-topik tertentu. Sebahagian besar daripada Panduan-panduan tersebut tidak mempunyai Sejarah Pentadbirannya.

Dalam usaha untuk melengkapkan lagi Panduan-panduan tersebut, Arkib Negara telah menjalankan projek Sejarah Pentadbiran Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Persekutuan yang telah dimulakan pada bulan Ogos 1984. Panduan ini disediakan berdasarkan maklumat sehingga tahun 1990. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian adalah salah satu daripada Kementerian-kementerian tersebut.

Kajian Sejarah Pentadbiran adalah penting dan setiap kumpulan arkib perlu mempunyai sejarah lengkap dan tepat mengenai Jabatan-jabatan yang mewujudkan rekod-rekod tersebut. Maklumat latarbelakang seperti ini merupakan alat yang tidak boleh dipisahkan di dalam menjelaskan makna rekod-rekod Kerajaan dan di dalam memahami fungsi Jabatan-jabatan berkenaan. Sejarah pentadbiran juga dapat membantu Pegawai-pegawai Arkib mengenali keadaan sebenar rekod-rekod yang berada di dalam jagaannya.

Kerja-kerja untuk menyediakan Sejarah Pentadbiran Kementerian dan sejumlah besar Jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan memerlukan masa yang panjang. Oleh itu Sejarah Pentadbiran ini akan diterbitkan berperingkat dalam bentuk siri yang dinamakan 'SIRI SEJARAH PENTADBIRAN'.

Saya berharap Sejarah Pentadbiran ini akan dapat membantu penyelidik-penyelidik yang berminat untuk mengetahui latarbelakang sejarah penubuhan, objektif-objektif dan fungsi-fungsi sesebuah Kementerian/Jabatan yang tertentu.

DATO' ZAKIAH HANUM  
Ketua Pengarah,  
Arkib Negara Malaysia.

Mei 1991.

## **KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN**

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ditubuhkan pada bulan April 1956. Pada masa itu Kementerian dikenali sebagai Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dan mempunyai dua bahagian utama iaitu Bahagian Ekonomi Eksport Barang dan Bahagian Perdagangan, Perbendaharaan. Pada 18 Februari 1972 nama Kementerian telah diubah kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian; dan kedua-dua bahagian di Kementerian dikenali sebagai Bahagian Eksport Barang-barang dan Bahagian Perdagangan.

Objektif Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ialah:

1. Merancang dan melaksanakan dasar perdagangan dan perindustrian selaras dengan dasar ekonomi baru;
2. Menggalakkan pelaburan dari dalam dan luar negeri dan menyelaras serta mengawal perkembangan industri-industri;
3. Menggalakkan eksport Malaysia dan memperkuatkan hubungan perdagangan dua hala dan berbagai hala dan kerjasama serantau;
4. Mengawal import dan eksport, menentukan harga barang-barang keperluan dan mengawasi suasana amalan dan praktik perdagangan yang bersih;
5. Menggalakkan dan memesatkan penyertaan Bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian khususnya pedaran barangan dan perkhidmatan; dan
6. Mempertingkatkan daya pengeluaran melalui program latihan pengurusan, perkembangan keusahawan dan khidmat perundingan pengurusan.

Di awal penubuhannya tugas dan tanggungjawab Kementerian adalah lebih tertumpu kepada bidang perdagangan dan mengawasi eksport barang-barang utama Persekutuan Tanah Melayu; menggalakkan perindustrian melalui 'Industrial Development Section'; mentadbir rancangan Kerajaan untuk RIDA (Rural and Industrial Development Authority) dan Lembaga Letrik Negara serta mengawasi 'Government Reserve Stock of Rice' melalui Unit Bekalan.

Peranan dan tanggungjawab Kementerian Perdagangan mulai penting setelah negara ini mencapai Kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 dan setelah pembentukan Malaysia pada 16 September 1963. Pada 28 Ogos 1958 telah diluluskan satu 'Bill' yang bertujuan untuk menggalakkan pelaburan modal dari dalam dan luar negeri. Dengan ini 'Industrial Development Section' telah diperbesarkan kepada 'Industrial Development Division'. Pada hujung tahun 1958 pula sebuah unit baru dikenali sebagai 'Tourist Promotion Section' telah ditubuhkan sebagai usaha-usaha galakan pelancongan di negara ini. Pada tahun 1961 pentadbiran Kementerian Perdagangan dan Perusahaan telah diambil alih oleh pegawai-pegawai tempatan dengan sepenuhnya.

Pada tahun 1963, kegiatan Kementerian telah bertambah apabila Pusat Daya Pengeluaran Negara, Pendaftaran Cap Dagangan dan Pendaftaran Syarikat turut menganggotai